

# IOQRRA'



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Perpustakaan  
Tun Abdul Razak

اقل

BULETIN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK



uitmlibrary



libraryuitm



libraryuitm



library.uitm.edu.my

**Tanah Melayu Merdeka: Peranan Raja-Raja Melayu Dalam Mencapai Kemerdekaan**

PTAR Cawangan Shah Alam - muka 4

LIVE HD



**Bicara Khas Bersama Srikandi Negara**

PTAR Cawangan Shah Alam - muka 7

LIVE HD



**Aktiviti Semarakkan Bulan Kemerdekaan 2021**

PTAR Cawangan Dungun - muka 15



**Program Sembang ICT Bersama PTAR Siri 2**

PTAR Cawangan Jasin - muka 16



**Sesi Perkongsian: Penubuhan, Pembangunan e-Library Dan Lawatan Secara Maya Ke Digital Library UiTM**

PTAR Cawangan Sarawak - muka 21



Let's Join our  
**INFORMATION  
LITERACY CLASS**



Perpustakaan  
Tun Abdul Razak  
**LIBRARY eBO  
MADE SIMP**

DOWNLOAD  
eBook available at PTAR

BROWSE  
eBooks from

Promosi@PTAR

# SIDANG REDAKSI

# IQORA'

## PENASIHAT

Ts. Noor Hidayat bin Adnan

## KETUA EDITOR

En. Jamalludin bin Hj. Sulaiman

## EDITOR

Pn. Shahidatul Akhmam Rambeli

## PENYELARAS

Pn. Adlina binti Abdullah

## REKA BENTUK GRAFIK

Pn. Noor Azureen binti Abd. Aziz

## WARTAWAN/WAKIL CAWANGAN

|              |  |
|--------------|--|
| Shah Alam    | : Pn. Adlina Abdullah, En. Mohd Alfarabie Mohd Nasir, Pn. Nik Zatihulwani Jamaludin, Tn. Hj. Ahmad Faizar Jaafar, Pn. Siti Salwa Abdul Rahman, En. Abdul Razak Abdul Rahman, Pn. Norazlin Mohd. Yusof, Pn. Nurul Fariah Sarmin Panut, Pn. Nor Hafizah Md. Hanafiah, Pn. Noredayu Rosli, Pn. Azian Azis |
| Melaka       | : Cik Hazlin Ibrahim Khan, Pn. Siti Haidah Md Aziz & Cik Ilya Nur Fateen Othman  |
| Perlis       | : Cik Nor Azrina Kassim  |
| Sabah        | : Cik Marlia Yuming  |
| Kedah        | : Pn. Noor Azlin Abdullah  |
| Pulau Pinang | : Pn. Rafidah Muhamad Sam, Pn. Nor Azilawati Mohamad Azmi, Pn. Nurhayati Hassan  |
| Kelantan     | : En. Muslim Ismail @ Ahmad  |
| Perak        | : En. Mohd Azim Ansori, Cik. Nur Dayana Mohd Narwawi   |
| Sarawak      | : Pn. Hapsah Suut  |
| Pahang       | : Pn. Norfitriah Mat Seman, En. Roshairi Che Razali, En. Mohd Anwar Hassim   |
| Terengganu   | : En. Mohd Shahnizam Mat Zain, Pn. Asmahani Abdullah   |
| Johor        | : Pn. Siti Rozana Mat Sanat, Pn. Nor Azelea Mohd Azahar  |
| N. Sembilan  | : En. Syaiful Hisyam Saleh, En. Mohd Hafiz Kasirun & Pn. Nur Rabita Rouzan   |
| Selangor     | : Pn. Hafiza Mustape, Pn. Nur Fatimah Muhamad, Cik Nordiana Turkijo, Pn. Wan Rohani Wan Chin   |

## PENERBIT

Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR),  
Universiti Teknologi MARA,  
40450, Shah Alam  
Selangor Darul Ehsan.

## KEKERAPAN KELUARAN

12 Keluaran Setiap Tahun

ISSN NO : 2735-1920



Untuk menonton  
semula:



Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Shah Alam dengan kerjasama Pejabat Kursi Institusi Raja-Raja Melayu (KIRRM) UiTM Shah Alam telah menganjurkan program bual bicara bersempena Hari Kemerdekaan yang ke-64 secara langsung dalam segmen bicara pakar yang bertajuk "Tanah Melayu Merdeka: Peranan Raja-Raja Melayu dalam Mencapai Kemerdekaan. Program kali ini dikendalikan oleh Datin Dr. Zahariah Sahudin, Felo di Kursi Institusi Raja-Raja Melayu UiTM Shah Alam selaku moderator bersama panel jemputan Datuk Dr. Shamrahayu Ab Aziz, Penyandang, Kursi Raja-Raja Melayu UiTM Shah Alam.

Sesi perkongsian ilmu pada kali ini dimulakan dengan penceritaan kepada peranan raja-raja Melayu dalam mencapai kemerdekaan yang mana pada awalnya Kota Melaka mengalami fasa penjajahan dan pentadbiran oleh kuasa asing hampir 450 tahun daripada kuasa-kuasa Barat dan Jepun. Dalam konteks Institusi Beraja, apabila Melaka diangkat sebagai sebuah empayar yang disegani dunia pada abad ke-15, Melaka ditadbir dengan menggunakan Sistem Beraja yang mana ia sangat berkesan pada kegemilangan Melaka, maka peranan Institusi Beraja adalah sangat penting dan paling utama pada ketika itu.

Datuk Dr. Shamrahayu juga berkongsi tentang kedatangan British di Tanah Melayu, pelbagai perjanjian telah berlaku oleh British dengan Institusi Beraja terutamanya sultan-sultan. Antara perjanjian yang paling terkenal adalah Perjanjian Pangkor pada 20 Januari 1874 yang mana ia meletakkan pelbagai tanggungjawab kepada British untuk memberi bantuan kepada kerajaan negeri Perak.

Bersempena Hari Kemerdekaan yang ke-64, maksud merdeka bagi Datuk Dr. Shamrahayu ialah kebebasan daripada penjajahan kuasa asing dan kebebasan dalam menentukan pentadbiran. Beliau juga berharap agar masyarakat dapat membuang segala legasi yang buruk dan kembali sebagai identiti diri sendiri yang murni ibarat sirih pulang ke gagang.



Peranan Raja-Raja Melayu Dalam Mencapai Kemerdekaan bersama Prof. Datuk Dr. Shamrahayu Ab Aziz

Prof. Datuk Dr. Shamrahayu Ab Aziz: Program ini adalah bagi tujuan pembudayaan ilmu sahaja. Ianya hanyalah pendapat dan komen peribadi.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Unit Penerbitan dan Pemasaran,  
Bahagian Komunikasi Korporat,  
Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR),  
UiTM Shah Alam.

**No. Tel: 03-5544 3731**



ISO 9001:2015 No. Sijil : 0048803

